

Peralihan kepada Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Pertimbangan Dasar

Dahulu hingga Kini: Perkembangan Ekonomi Malaysia

Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang ketara sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, membangun daripada sebuah ekonomi berpendapatan rendah kepada ekonomi berpendapatan menengah atas dalam tempoh lebih setengah abad. Pendapatan per kapita telah meningkat hampir dua puluh kali ganda dalam tempoh empat dekad lalu, sementara kadar kemiskinan telah berkurang lebih sepuluh kali ganda. Perubahan struktur yang besar juga telah berlaku dalam ekonomi. Ekonomi yang sebahagian besarnya berasaskan komoditi utama dengan kebergantungan tinggi pada getah dan bijih timah pada tahun 1960-an telah ditransformasikan menerusi kebangkitan sektor perkilangan sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan pada lewat tahun 1980-an, dan kemudiannya sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan sejak tahun 2000. Sepanjang proses pembangunan ini, Malaysia telah memperkukuh dan meningkatkan integrasinya dengan ekonomi global.

Pada masa ini, Malaysia sedang berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang sedang berubah dengan ketara. Walaupun landskap global telah berubah secara beransur-ansur pada dekad yang lepas, krisis kewangan dan ekonomi global semasa telah mempercepat perubahan ini. Yang ketara, terdapat dua perkembangan berbeza yang menonjol. Pertama, landskap ekonomi global semakin bersifat berbilang polar dengan peningkatan kepentingan ekonomi pasaran sedang pesat membangun, terutamanya ekonomi Brazil, Rusia, India dan RR China (BRIC). Yang penting, kebangkitan ketara RR China telah mengubah dinamik pertumbuhan di Asia. Faktor struktur yang mengalakkan dalam ekonomi pasaran sedang pesat membangun itu termasuk golongan kelas pertengahan yang besar dan semakin bertambah yang akan menyokong permintaan dalam negeri dan seterusnya pertumbuhan berterusan dalam ekonomi tersebut selepas krisis. Walau bagaimanapun, krisis tersebut telah mendedahkan beberapa kelemahan struktur dalam ekonomi maju, yang kesemuanya akan membatasi potensi pertumbuhan ekonomi tersebut dalam jangka sederhana. Kedua, kebangkitan ekonomi pasaran sedang pesat membangun yang secara relatif besar, seperti BRIC, Vietnam dan Indonesia, juga akan memperhebat persaingan dalam ekonomi global, bukan sahaja dalam kalangan perniagaan, tetapi juga antara negara dalam menarik pelaburan dan modal insan.

Dalam persekitaran yang makin mencabar ini, inisiatif strategik dilaksanakan untuk mengukuhkan fleksibiliti ekonomi Malaysia supaya dapat disesuaikan dengan keadaan yang berubah-ubah, untuk memanfaatkan peluang baharu di samping menangani cabaran yang mungkin timbul. Model ekonomi sedia ada sedang dikaji semula dan dasar yang menyokong daya saing yang lebih tinggi, kadar inovasi yang lebih pantas dan peningkatan kepada industri lebih berintensif pengetahuan merupakan strategi peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Masa Hadapan: Ciri-ciri Ekonomi Malaysia Berpendapatan Tinggi

Menurut definisi Bank Dunia, sebuah negara berpendapatan tinggi ialah negara yang mempunyai pendapatan per kapita lebih daripada USD11,905. Oleh itu, daripada paras semasa USD6,634, Malaysia perlu meningkatkan pendapatan per kapitanya sebanyak hampir dua kali ganda untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Selain paras pendapatan, penilaian terhadap negara berpendapatan tinggi sedia ada memaparkan lima ciri ekonomi utama, iaitu:

1. Aktiviti ekonomi berintensif inovasi dan pengetahuan

Sebuah ekonomi berpendapatan tinggi adalah berteraskan pengetahuan dan inovasi berbanding dengan ekonomi yang berteraskan pelaburan. Semua sektor ekonomi terlibat dalam aktiviti ekonomi bernilai tinggi, dengan pengetahuan, inovasi dan produktiviti menjadi keutamaan dalam penciptaan nilai.

Bagi Malaysia, berdasarkan asas perkilangan kukuh yang sedia ada dalam ekonomi, perubahan ke arah aktiviti bernilai tinggi akan didorong oleh industri sedia ada yang meningkatkan kedudukan mereka dalam rantai nilai. Syarikat dalam industri-industri ini akan semakin bergantung pada strategi kebitaraan (niche) dan juga penambahbaikan yang berterusan, kecanggihan yang lebih tinggi dan pengkhususan yang lebih mendalam. Beberapa bidang yang berpotensi termasuklah elektronik bernilai tinggi, perkilangan panel suria, peralatan perubatan dan minyak sawit hilir. Pergerakan ke arah aktiviti bernilai lebih tinggi akan dilengkapi oleh pembangunan subsektor perkhidmatan berintensif pengetahuan. Perkhidmatan moden ini termasuk pengkomputeran, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penyelidikan dan pembangunan (R&D), kesihatan dan pendidikan serta hiburan. Di samping perkhidmatan berintensif pengetahuan ini, perkhidmatan berkaitan perkilangan yang sudah berkembang kukuh, seperti logistik, pemasaran dan penjenamaan juga akan memberikan sokongan yang kukuh kepada pertumbuhan industri.

Selain itu, sementara syarikat multinasional dan syarikat tempatan yang besar akan kekal penting kepada ekonomi, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan menjadi tulang belakang ekonomi. Yang ketara, jumlah besar PKS yang sangat dinamik, berinovatif dan berdaya saing akan menjadi ciri penting bagi ekonomi Malaysia berpendapatan tinggi.

2. Ekonomi diterajui oleh sektor swasta berteraskan persaingan

Aktiviti ekonomi dalam ekonomi berpendapatan tinggi diterajui oleh sektor swasta dalam persekitaran yang berdaya saing. Persaingan akan menyumbang kepada peruntukan sumber yang menjadikan aktiviti ekonomi lebih memberangsangkan dan dinamik. Bagi pasaran berfungsi dengan cekap dan berkesan, ketiadaan gangguan pada pasaran, terutamanya yang mengakibatkan isyarat harga yang tidak sewajarnya merupakan prasyarat yang perlu ada. Walau bagaimanapun, rangka kerja keinstitutional yang kukuh juga perlu diwujudkan bagi menangani kemungkinan kegagalan pasaran dan memastikan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan saksama.

3. Kerajaan sebagai pemudah cara pertumbuhan ekonomi

Oleh sebab ekonomi akan diterajui oleh sektor swasta, peranan Kerajaan perlu beralih menjadi pemudah cara utama untuk pertumbuhan. Fokus Kerajaan dalam peranan ini adalah menyediakan persekitaran berdaya saing yang membolehkan sektor swasta berfungsi dengan cekap. Ini akan melibatkan terutamanya penyediaan infrastruktur pemboleh, termasuk pengangkutan awam dan infrastruktur berkaitan Internet yang moden, dan juga penyediaan perkhidmatan keselamatan dan kemasyarakatan asas, seperti kesihatan dan pendidikan. Di samping itu, dasar teknologi dan inovasi yang menyeluruh akan menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dan penciptaan pengetahuan. Kerjasama erat antara sektor awam dengan swasta adalah perlu untuk mencapai matlamat ini dengan berkesan.

4. Keseimbangan yang lebih baik antara permintaan dalam negeri dengan permintaan luar

Sejajar dengan trend yang sedang berlaku, ekonomi berpendapatan tinggi perlu mempunyai model pembangunan yang lebih seimbang. Sementara kelebihan bersaing dalam sektor luar akan kekal penting, sektor dalam negeri perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memberikan sumbangan kepada pertumbuhan. Pertama, golongan berpendapatan sederhana yang lebih besar dan lebih kaya akan menyokong penggunaan swasta yang lebih tinggi dan lebih canggih. Kedua, peningkatan dalam kualiti pelaburan swasta akan menyumbang kepada pertumbuhan pekerjaan berpendapatan tinggi dan bernilai tambah tinggi yang lebih mampan. Pelaburan swasta perlu semakin beralih daripada yang lebih tertumpu pada pembinaan dan jentera bernilai rendah kepada automasi dan R&D lebih maju untuk mempermudah pergerakan bagi meningkatkan kedudukan dalam rantai nilai di samping menyokong inovasi. Sementara itu, produktiviti yang tinggi akan melengkapi peningkatan kecanggihan modal untuk menghasilkan keluaran dan perkhidmatan yang bernilai tinggi.

5. Integrasi global dan serantau yang lebih mendalam

Memandangkan pasaran dalam negeri adalah kecil, apabila syarikat menjadi bertambah besar dan lebih kukuh, ia akan meningkatkan integrasinya dengan rantau dan bahagian dunia yang lain untuk mendapatkan akses yang lebih baik kepada pasaran yang lebih besar. Integrasi yang lebih mendalam dengan pasaran antarabangsa akan merangkumi permintaan akhir dan bekalan input faktor. Bagi Malaysia, integrasi selanjutnya dengan ekonomi serantau dan ekonomi sedang pesat membangun lain akan menjadi ciri utama peralihan kepada ekonomi bernilai tambah yang tinggi. Khususnya, trend pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia yang meningkat baru-baru ini dijangka berterusan dan akan membawa lebih banyak manfaat kepada Malaysia dalam jangka sederhana memandangkan peluang dan pasaran baharu akan diperolehi.

Strategi untuk Ekonomi Malaysia yang Mampan dan Dinamik

Walaupun pandangan tentang ciri-ciri ekonomi berpendapatan tinggi secara relatif jelas, tidak ada sepersetujuan tentang keperluan yang perlu ada untuk berjaya menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, pengalaman negara berpendapatan tinggi memberikan beberapa penunjuk bahawa lima faktor adalah sangat penting (Rajah 1). Yang pertama ialah kestabilan makroekonomi, yang menyediakan persekitaran yang kondusif untuk simpanan dan pelaburan perniagaan yang tinggi dalam persekitaran yang ketidakpastiannya adalah tidak begitu ketara. Kedua, mobiliti sumber berteraskan pasaran merentas semua pasaran adalah penting untuk peruntukan sumber yang cekap dalam ekonomi. Ketiga, perlu wujud rejim keinstitutionan yang teguh dengan penguatkuasaan yang mencukupi, merangkumi antara lain, pengawalan persaingan yang berkesan, pencegahan kegagalan pasaran dan perlindungan hak harta yang berkesan. Keempat, budaya inovasi perlu ditanamkan di seluruh negara, dengan usaha sama dalam dan antara sektor awam dan swasta serta akademia. Kelima ialah kepimpinan dan tadbir urus yang kukuh hendaklah terus memainkan peranan penting, terutamanya dalam memastikan kestabilan, membangunkan persekitaran yang berdaya saing dan menyediakan infrastruktur pemboleh.


Rajah 1
Lima Teras untuk Perkembangan Ekonomi yang Mampan



Walaupun maklumat yang banyak mengenai pembangunan tidak memberikan satu formula pembangunan ekonomi yang jelas, akan tetapi pengalaman dapat memberikan contoh faktor yang perlu dijawab (Rajah 2). Yang penting ialah faktor di sebalik penentuan harga pasaran yang digunakan untuk mengekalkan daya saing kos yang tidak mencerminkan kedudukan sebenar. Dalam kebanyakan ekonomi membangun, faktor tersebut wujud dalam berbagai-bagai bentuk, daripada kawalan harga dan subsidi tenaga, hinggalah kepada perlindungan terbuka kepada sektor dan industri tertentu. Walaupun

Rajah 2

Pengalaman Global Berhubung dengan Kekangan Lazim Terhadap Pertumbuhan



mungkin terdapat keadaan yang mewajarkan penerapan sementara beberapa langkah ini, dasar sebegitu dalam jangka masa panjang lazimnya melibatkan kos yang tinggi.

Untuk Malaysia melangkah ke hadapan, kekuatan dan asas yang mantap akan memberikan sokongan kepada pembangunan ekonomi yang berterusan. Untuk berjaya beralih kepada ekonomi bernilai tambah tinggi, Malaysia mempunyai potensi untuk memanfaatkan faedah berbanding sedia ada dan membangunkan keupayaan dan kepakaran yang lebih mendalam. Pembaharuan asas sememangnya diakui akan diperlukan dalam beberapa bidang ekonomi. Dalam hal ini, tiga keutamaan strategik penting telah dikenal pasti, iaitu memupuk tenaga kerja yang berkualiti, menggalakkan persekitaran yang berdaya saing dan membangunkan infrastruktur pemboleh yang cekap.

1. Tenaga kerja berkualiti dan berbudaya inovasi

Tenaga kerja yang berpengetahuan, berinovatif dan bersikap keusahawanan adalah penting untuk memacu penciptaan nilai yang perlu dalam ekonomi berpendapatan tinggi. Justeru, pendidikan dan latihan bertaraf dunia penting untuk mengembangkan kemahiran dan tenaga kerja yang kreatif.

Oleh sebab itu, Malaysia sedang melaksanakan pembaharuan terhadap sistem pendidikannya untuk menjadi sistem yang mampu membangunkan kumpulan tenaga kerja yang lengkap dengan kemahiran dan kecekapan untuk meningkatkan produktiviti dan pembangunan ekonomi. Dalam hal ini, penekanan yang besar diberikan terhadap pengukuhan institusi pembelajaran untuk memastikan kualiti pengajaran yang bermutu tinggi. Berkaitan dengan hal ini, skim gaji dan ganjaran untuk pensyarah universiti dan guru kini sedang ditambah baik untuk menarik dan mengekalkan pendidik yang berkualiti. Selain itu, sistem pendidikan teknikal sedang ditambah baik untuk menyediakan dengan jayanya tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan bernilai tinggi. Untuk memastikan kualiti didukung tinggi secara berterusan, prestasi politeknik utama akan ditanda aras kepada institusi teknikal yang terkemuka termasuk di Jerman, Austria dan Sweden. Usaha juga sedang dijalankan untuk melibatkan sektor swasta dalam memastikan kerelevanan dan keberkesanan sistem pendidikan dalam memenuhi kehendak industri.

Meskipun pembaharuan dalam sistem pendidikan merupakan keutamaan yang amat penting, fleksibiliti juga diberikan untuk mengambil tenaga kerja global. Dalam hal ini, pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan fleksibiliti untuk mengambil pekerja ekspatriat, sementara inisiatif sedang diambil untuk mengurangkan masalah penghijrahan cendekiawan (brain drain).

2. Pasaran yang cekap dan berteraskan persaingan

Aktiviti ekonomi bernilai tinggi yang canggih memerlukan mekanisme pasaran yang berfungsi dengan baik, berpandukan isyarat harga yang tidak diganggu, supaya sumber yang terhad diperuntukkan dengan cekap. Gangguan pasaran akan menyebabkan ketidakcekan dan pembaziran yang banyak, sementara dasar bersifat perlindungan menjejaskan struktur insentif asas yang diperlukan untuk sesebuah masyarakat usahawan yang berkembang maju.

Pada masa ini, beberapa gangguan pasaran wujud dalam beberapa bidang ekonomi Malaysia. Gangguan pasaran ini saling sangat berkait, dan langkah yang dilaksanakan memberi kesan kepada pelbagai industri dan sektor dalam ekonomi. Subsidi sedemikian memberikan bebanan yang berat kepada Kerajaan dan mengalihkan sumber daripada aktiviti pelaburan lain. Walau bagaimanapun, penghapusan gangguan sedemikian perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat dan berturutan untuk mengelakkan gangguan terhadap ekonomi. Sama penting ialah peruntukan semula simpanan berikutan terhapusnya gangguan menyeluruh sedia ada memandangkan terdapat lebih banyak subsidi sasaran dan pemindahan pendapatan langsung untuk menyokong golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

3. Infrastruktur pemboleh yang meluas dan cekap

Infrastruktur tradisional dan moden memainkan peranan penting dalam membolehkan peralihan ke arah ekonomi bernilai tambah yang tinggi. Oleh sebab Malaysia sudah mempunyai infrastruktur fizikal yang berkualiti tinggi termasuk jalan raya, pelabuhan dan utiliti, tumpuan kini diberikan pada pembangunan sistem pengangkutan awam yang cekap, infrastruktur berkaitan dengan Internet dan infrastruktur berkaitan dengan kecekapan tenaga yang moden, yang penting dalam menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dan memperbaiki produktiviti keseluruhan ekonomi. Dalam usaha untuk mengembangkan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara, Kerajaan, melalui perkongsian dengan Telekom Malaysia, telah memulakan inisiatif Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi bernilai RM11.3 bilion.

Sejajar dengan langkah Malaysia menerapkan perubahan ini, pelaksanaan dasar perlu mengambil kira tiga pertimbangan penting. Pertama, dasar hendaklah dilaksanakan secara beransur-ansur dan berturutan bagi membolehkan perniagaan dan isi rumah menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Kedua ialah pentingnya ketelusan untuk mewujudkan kesedaran orang ramai terhadap peluang dan kekangan baharu. Ketiga, sokongan perlu diberikan kepada golongan berpendapatan rendah untuk meminimumkan kesan negatif sewaktu peralihan, di samping untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan yang diperlukan untuk meraih manfaat daripada peluang-peluang baharu.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia kini berada di persimpangan yang kritikal berhubung dengan pembangunan dan kemajuannya pada masa hadapan yang bakal berdepan dengan banyak cabaran. Sepanjang proses pembangunan Malaysia selama lebih daripada 50 tahun, ekonominya telah menunjukkan keupayaan dan fleksibiliti untuk beralih kepada bidang baharu yang mempunyai faedah berbanding dan juga bidang pertumbuhan baharu. Dalam proses peralihan kepada ekonomi bernilai tambah yang tinggi masa kini, Malaysia perlu membangunkan bidang pertumbuhan baharu dan menerapkan model ekonomi baharu untuk pembangunan. Dengan pembangunan persekitaran ekonomi yang menyokong dan berdaya saing, yang terdiri daripada tenaga kerja yang berkualiti dan infrastruktur yang cekap, Malaysia akan bersedia dengan asas-asas yang diperlukan untuk memanfaatkan trend serantau dan global yang baru muncul dan pantas berubah, untuk beralih menjadi sebuah ekonomi bernilai tambah yang tinggi.